



## **Dinamik langganan dalam masyarakat nelayan: Artikulasi ragam pengeluaran perikanan berskala kecil di Kelurahan Cambayya, Kota Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia**

Sudarmono<sup>1</sup>, Junaenah Sulehan<sup>1</sup>, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Coresspondence: Sudarmono (email: sudarmono.sstp@gmail.com)

### **Abstrak**

Hubungan patron-klien telah sekian lama wujud dan meresapi hubungan sosial pengeluaran di kalangan komuniti nelayan. Makalah ini cuba menjelaskan hubungan patron klien yang diartikulasi dalam ragam pengeluaran berskala kecil di kalangan komuniti nelayan pesisiran Kota Makassar. Kajian ini telah mendapati bahawa hubungan patron klien masih wujud dalam aktiviti sosio-ekonomi komuniti. Isu semasa juga menunjukkan bahawa dinamik ini telah mempengaruhi hubungan kuasa di dalam komuniti nelayan.

**Katakunci:** hubungan patron-klien, hubungan kuasa, komuniti nelayan, perikanan berskala kecil, perikanan pesisiran, ragam pengeluaran

## **The dynamics of patronage in a fishing community: Articulating the production mode of small scale fishing industry in the Cambayya district, Kota Makassar, South Sulawesi, Indonesia**

### **Abstract**

The patron-client relationship had emerged and long embedded the social relations of production in the fishing industry. This article elucidates the articulation of patron-client relationships characterising the production mode of small scale fishing industry in Makassar City. The study discovered not only the persistence of the patron-client relationships but also its critical influence on the power relations in the coastal fishing community.

**Keyword:** coastal fishing, fishing community, patron-client relationship, power relations, production mode, small scale fishing industry

### **Pengenalan**

Komuniti nelayan tradisional di beberapa negara sedang membangun umumnya dicirikan oleh kewujudan satu hubungan patron klien. Meskipun pada asasnya ia dikenalpasti sebagai hubungan ekonomi, akan tetapi ianya juga dicirikan oleh ikatan emosional yang erat diantara pihak yang terbabit. Hubungan patron klien biasanya melibatkan orang-orang terdekat daripada salah satu pihak – biasanya keluarga klien dan telah berlangsung dalam tempoh masa yang cukup lama (Eisenstadt dan Roniger, 1984). Hal yang demikian ini juga boleh didapati di dalam komuniti nelayan di kawasan pesisir Kota Makassar. Meskipun hubungan ini kerap kali dipandang sangat merugikan bagi nelayan klien, namun sebahagian pihak justeru menganggap bahawa hubungan semacam ini adalah

manifestasi dari jaringan sosial yang dapat membantu nelayan tradisional untuk bertahan hidup di tengah arus pembangunan Kota Makassar yang terbilang sangat pesat.

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis dinamik hubungan patronase yang diartikulasikan melalui ragam pengeluaran perikanan kecil-kecilan di dalam komuniti nelayan di Kota Makassar. Makalah ini disusun berdasarkan atas satu penyelidikan lapangan yang dilaksanakan sejak minggu pertama bulan Disember 2011 sehingga pertengahan bulan Februari 2012. Pengumpulan data dilakukan dengan pendekatan kualitatif, iaitu dengan melakukan temu bual secara mendalam (*indepth interview*) dengan beberapa orang informan. Pemilihan informan tersebut didasarkan atas keterlibatan informan dalam struktur patron-klien serta keterlibatan informan dalam struktur sosial dalam komuniti di kawasan kajian. Penelitian lapangan dilaksanakan di Kelurahan Cambayya, Kota Makassar. Kajian ini dibatasi hanya kepada jenis penangkapan pantai, maknanya ia tidak membincangkan pengeluaran perikanan yang menggunakan jentera yang berkapasiti besar dan lebih moden. Mekanisme penangkapan perikanan pantai tidak melibatkan organisasi penangkapan yang rumit, ertinya tidak melibatkan banyak buruh. Pemerhatian lainnya kerap dilakukan di Tempat Pelelongan Ikan (TPI) Paotere, Makassar. Selain itu, makalah ini juga disokong oleh data sekunder diperoleh dari pelbagai agensi-agensy pemerintah yang berkaitan dinamik pembangunan semasa Kota Makassar.

## Kerangka teori

Pada dasarnya, analisis ke atas hubungan patron-klien lebih sering diterokai dengan menggunakan pendekatan teori pertukaran sosial. Asas daripada teori ini berpunca daripada pelbagai disiplin, iaitu psikologi, antropologi, sosiologi dan mikroekonomi. Daripada beberapa pengasas yang mengkaji teori pertukaran sosial, nampaknya pandangan Homans, Peter Blau dan Emerson terbilang cukup relevan bagi menerokai fenomena hubungan patronase yang diketengahkan dalam kajian ini. Blau melihat bahawa terbentuknya kerangka fikir pertukaran sosial didasari atas pertukaran ulang alik secara ekonomi yang pada akhirnya membentuk interaksi sosial dalam konteks yang lebih mikro. Meskipun tidak sepenuhnya berbeza dengan apa yang diketengahkan oleh Blau, Homans lebih melihat hubungan ini sebagai interaksi sosial yang terbentuk sebagai hasil dari simbiosis yang saling menguntungkan antara dua pihak yang terbabit. Pada akhirnya, pertukaran ini berimplikasi terhadap pengagihan kekuasaan, penguatan status sosial, penguatan status kepimpinan serta kewenangan (Ritzer, 2004).

Pemikiran tentang hubungan ini terus disempurnakan oleh Emerson. Analisis yang dilakukan oleh Emerson mulai melihat bahawa pertukaran ini tidak hanya berkaitan dengan pertukaran secara ekonomi dan sosial sahaja. Lebih daripada itu, pertukaran ini juga telah menciptakan ketidaksamarataan sosial dan kebergantungan. Emerson menghujahkan bahawa pertukaran semacam ini telah membentuk satu jaringan yang lebih luas dan menghubungkan pihak-pihak terkait. Pertukaran ini juga melahirkan kekuasaan yang berpunca daripada kedudukan sosial yang lebih tinggi serta penguatan jaringan sosial yang mencakupi pihak-pihak yang lebih rendah kedudukannya dalam tatanan sosial komuniti. Secara jelas, Emerson menyatakan bahawa hubungan antara kekuasaan dan struktur sosial adalah kerangka asas yang menyusun teori pertukaran sosial (Ritzer, 2004).

Pada pertengahan dekad 1990-an, kerangka pemikiran teori pertukaran sosial semakin dipertajam oleh Molm dan Cook (1995) sebagaimana dikutip oleh Ritzer (2004). Menurut Molm dan Cook (1995), anggapan asas dari teori ini adalah sebagaimana kutipan berikut ini:

*“ The key assumptions of exchange theory include the following: (1) Behavior is motivated by the desire to increase gain and to avoid loss (or to increase outcomes that are positively valued and to decrease outcomes that are negatively valued), (2) exchange relations develop in structures of mutual dependence (both parties have some reason to engage in exchange to obtain resources of value or there would be no need to form an exchange relation), (3) actors engage in recurrent, mutually contingent exchanges with specific partners over time (i.e., they are not engaged in simple one-shot transactions), and (4) valued outcomes obey the economic law of diminishing marginal utility (or the psychological principle of satiation).”*

Berdasarkan pandangan ini, pada akhirnya prinsip-prinsip ketergantungan dan hubungan kekuasaan telah mendorong pihak-pihak yang memiliki kekuasaan untuk menarik lebih yang berasal dari sumber-sumber yang ditukarkan, termasuk menggandakan sumber-sumber tersebut bagi menghasilkan jenis sumber yang baharu.

Selain itu, hubungan kebergantungan yang melekat pada dinamik patron-klien juga dapat digolongkan sebagai hubungan yang asimetri antara patron atau atasan dengan beberapa klien. Patron berperan sebagai pemimpin bagi kliennya, pemberi bantuan serta bentuk-bentuk perlindungan sosial lainnya. Pada saat yang sama, klien juga memberikan pelayanan kepada patronnya melebihi kewajiban ekonomisnya, termasuk menjadi perajurit perang, pemberi sokongan politik dan bentuk-bentuk perkhidmatan lainnya (Pelras, 1981).

Dalam perkembangannya saat ini, hubungan ini juga telah wujud dalam agensi pentadbiran dan ianya boleh menjadi punca bagi bermulanya rasuah dan salah guna kuasa (Kausar, 2008). Pada gilirannya, isu patronase dapat pula dikaji dalam pandangan teori pembangunan. Menurut Tain (2010), pendekatan kebergantungan dalam teori pembangunan adalah kerangka teoretikal yang sangat relevan bagi menerokai fenomena kemiskinan nelayan di Indonesia. Sejak polisi desentralisasi dikuatkuasakan, pendekatan *bottom-up* dalam memperkasakan komuniti begitu dikedepankan, meskipun pembangunan yang sebenarnya berlaku masihlah didominasi oleh pendekatan *top-down*.

Walhasil, ketidakjelasan yang berlaku justeru menyebabkan dinamik pembangunan semasa telah menjadi salah satu tekanan struktural bagi nelayan kecil. Selain itu, elit-elit pada peringkat mikro (komuniti) melihat dinamik semacam ini sebagai peluang untuk mengambil keuntungan lebih dengan mengatas namakan “pemeriksaan komuniti”. Keadaan ini menegaskan bahawa kemiskinan dan kebergantungan nelayan sesungguhnya didominasi oleh tekanan-tekanan yang bersifat struktural, sama ada melalui struktur formal yang menyediakan peluang kepada elit-elit tempatan dalam komuniti bagi mendapatkan keuntungan melalui polisi pembangunan; mahupun melalui struktur sosial yang menempatkan nelayan kecil sebagai pihak yang memerlukan modal dan bantuan dari patronnya.

### **Perkembangan hubungan patron-klien di Sulawesi Selatan: Sebuah retrospektif**

Apabila membincangkan hal ehwal tentang patronase di masyarakat Bugis Makassar, maka apa yang telah ditulis oleh Pelras (1981) dan Mattulada (1988) dapat menjadi rujukan utama yang mengenengahkan gambaran utuh. Dengan menggunakan pendekatan antropologi, mereka telah membuka pintu masuk untuk melihat dan mengkaji hubungan patronase dalam konteks semasa secara mendalam dari beberapa perspektif yang berbeza, khususnya perspektif politik dan ekonomi pembangunan. Secara umum, pemikiran mereka memberikan justifikasi bahawa pencapaian strata sosial, gengsi dan penguatan pengaruh politik adalah faktor-faktor utama yang mendorong terbentuknya hubungan patron klien dalam sesebuah komuniti. Namun begitu, hubungan tersebut berkembang dan mengalami konfigurasi yang berbeza-beza mengikut konteks ruang dan masa.

Pada pertengahan abad ke 17, jazirah Sulawesi Selatan menjadi begitu diminati oleh bangsa Eropah, bukan hanya kerana kekayaan alamnya, tetapi juga kerana wilayah ini juga memiliki artikulasi sosial yang sangat dinamis, melibatkan dua rumpun besar (Bugis dan Makassar) serta perilaku migrasi masyarakatnya yang memungkinkan terbentuknya masyarakat yang majmuk dan terbuka (Sutherland, 2009). Salah satu khazanah sosialnya adalah organisasi dan struktur sosial Bugis Makassar tradisional (Mahmud Tang, 1996). Struktur sosial masyarakat Bugis Makassar melingkupi pelapisan-pelapisan sosial yang mengatur kedudukan dan status sosial setiap strata; serta sistem urus tadbir yang membahagi satu komuniti ke dalam beberapa wilayah pentadbiran. Salah satu tatanan sosial dalam masyarakat tradisional adalah kewujudan hubungan patron-klien yang mengatur artikulasi hubungan antara kelas-kelas yang tidak setara. Hubungan tersebut tidak lagi dapat dianggap sederhana kerana setiap anggota dalam kelas-kelas sosial tersebut amat menyedari peran dan fungsinya masing-masing (Pelras, 1981).

Bagi kalangan aristokrasi di Sulawesi Selatan pada dekad pra kolonial, memiliki pengikut yang cukup banyak adalah perkara yang sangat penting. Pengikut dapat bererti tentera atau pasukan dalam angkatan perang ataupun pelayan yang bekerja kepada keluarga bangsawan. Dalam hal ini, hubungan

patron klien lebih nampak sebagai hubungan kekuasaan secara politik berbanding hubungan ekonomi. Kekuasaan politik dikuatkuasakan pada sistem kawalan ke atas guna tanah yang berada dalam wilayah pemerintahan kaum bangsawan. Sistem kawalan yang dimaksudkan di sini tidak semestinya bermakna pemilikan ke atas tanah tersebut. Para bangsawan yang bertindak sebagai patron menguasai tanah yang sangat luas, sementara rakyat biasa yang tidak memiliki tanah biasanya bertindak sebagai petani penggarap (*share-cropper*) atas tanah-tanah tersebut. Hasil daripada tanah garapan tersebut digunakan bagi memenuhi keperluan isi rumah petani penggarap dan juga untuk membayar cukai atas pemanfaatan tanah tersebut kepada kalangan bangsawan.

Di dalam masyarakat tradisional Sulawesi Selatan pada masa pra kolonial, status undang-undang guna tanah yang mengikut kepada undang-undang adat terbilang sangat beragam. Keragaman ini mempengaruhi pola penguasaan, pengurusan cukai dan sistem bagi hasil antara keluarga bangsawan sebagai patron dan rakyat jelata sebagai kliennya. Keragaman ini juga dengan sendirinya telah memberikan gambaran bahawa pihak raja serta keluarganya memiliki sumber pendapatan yang cukup banyak yang berpunca daripada rakyatnya. Seterusnya, pendapatan ini kemudian digunakan untuk membiayai semua aktiviti pentadbiran kerajaan, termasuk untuk keperluan makan dan pakaian para pengikut-pengikut di istana, seperti pelayan, dayang-dayang serta keluarga perajurit. Selain itu, kerabat kerajaan yang berstatus bangsawan rendah juga biasanya mendapatkan sebahagian kecil dari pendapatan kerajaan. Bagi kalangan penguasa, membiarkan orang-orang di sekitar kerajaan dalam kemiskinan adalah aib dan sangat memalukan bagi kalangan elit kerajaan (Pelras, 1981).

Dengan masuknya kolonial Belanda di Sulawesi Selatan, kekuasaan atas sumber-sumber alam mula diambil alih oleh kaum kolonial. Pengambilalihan ini juga telah menyebabkan pengaruh politik kaum bangsawan juga semakin melemah. Sebahagian besar pendapatan mereka yang bersumber dari fungsi-fungsi pentadbiran kerajaan semakin terhad, dan menyebabkan kekuatan ekonomi kerajaan yang terus menurun. Sistem penguasaan tanah yang tadinya memungkinkan pihak kerajaan menarik cukai dan pendapatan lainnya mengalami perubahan, di mana pajak dan pendapatan kerajaan lainnya kini lebih diarahkan untuk mengisi kewangan pemerintah kolonial. Meskipun demikian, perubahan ini tidak membawa pengaruh kepada rakyat, di mana mereka tetap bekerja menggarap tanah dan memenuhi kewajibannya membayar cukai kepada pemerintah kolonial.

Perubahan besar juga masih terus berlaku selepas periode kemerdekaan, terutama berkaitan dengan pemilikan dan penguasaan tanah. Patron dari kalangan bangsawan tidak lagi memiliki kuasa bagi memberikan tanah kepada para pengikutnya, sebagaimana yang biasa mereka lakukan pada masa-masa sebelumnya. Kekayaan mereka pun semakin berkurang, terutama setelah kekayaan tersebut diwariskan kepada generasi penerusnya. Di hadapan para pengikut, bangsawan harus mengeluarkan banyak kos bagi mempertahankan prestij sebagai kelas atas. Jika masih tetap ingin bertindak sebagai patron, garis darah kebangsawanannya tidak cukup untuk membayar mahalnya prestij aristokrasi yang harus dipertahankan. Terlebih lagi, mereka diperhadapkan oleh kemunculan elit-elit baru dari kalangan masyarakat biasa yang berasal dari kalangan militer dan cendekiawan. Oleh yang demikian, kalangan aristokrasi terpaksa harus menerapkan strategi baharu. Salah satu yang mereka lakukan adalah dengan menyekolahkan generasi-generasi aristokrasi baru pada institusi yang memungkinkan mereka tetap melanjutkan kawalan ke atas pentadbiran. Pelras (1981) menyebutkan bahawa pada dekad 1970-an, kalangan generasi aristokrat muda umumnya menempuh pendidikan di Akademi Pemerintahan Dalam Negeri (APDN) untuk tetap mempertahankan pengaruhnya pada pemerintahan pada peringkat komuniti.

Secara umum, huraian ini telah menggambarkan trajektori dan eksistensi patronase yang telah terbentuk sebelum kemasukan bangsa kolonial dan masih bertahan sampai beberapa dekad selepas kemerdekaan. Meskipun sistem dan pelapisan sosial masyarakat pasca kemerdekaan telah semakin terbuka, akan tetapi hubungan patronase masih dapat ditemukan, terutama berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan pertanian masyarakat kelas non aristokrasi.

## **Pembangunan dan kemiskinan di Kota Makassar**

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Todaro (1997), pembangunan tidak hanya berkaitan dengan pembangunan secara fizikal, akan tetapi di dalamnya juga berkaitan erat dengan kesejahteraan sosial.

Bagi mengukur peringkat kejayaan pembangunan dalam konteks sosial, maka Indeks Pembangunan Manusia (*human development index*) adalah salah satu penanda yang kerap digunakan bagi mengukur kemajuan pembangunan manusia dalam satu kawasan. Indeks pembangunan manusia di Kota Makassar pada tahun 2005 menunjukkan bahawa Kota Makassar masih berada pada angka 76,63. Angka ini mengalami peningkatan pada tahun 2006, di mana indeks pembangunan manusia Kota Makassar berada pada angka 76,87. Pembangunan manusia di Kota Makassar sentiasa menunjukkan peningkatan yang berterusan, di mana pada tahun 2009, indeks tersebut telah mencapai angka 78.24. Angka ini jauh di atas capaian Provinsi Sulawesi Selatan yang hanya mencapai 70.94 (Kota Makassar Dalam Angka, 2011).

Indeks pembangunan manusia (IPM) sentiasa diukur dengan merujuk kepada indeks kesihatan, indeks pendidikan dan indeks daya beli. Indeks kesihatan di Kota Makassar mengalami peningkatan purata sebesar 0.79 peratus, iaitu dari 78.67 peratus pada tahun 2006 menjadi 80.4 peratus pada tahun 2009. Sedangkan indeks pendidikan di Kota Makassar mengalami peningkatan purata sebesar 0.87 peratus, iaitu dari 87.5 peratus pada tahun 2006 menjadi 88.01 peratus pada tahun 2009. Selain itu, indeks daya beli penduduk di Kota Makassar peningkatan purata sebesar 0.65 peratus, iaitu dari 64.46 peratus pada tahun 2006 menjadi 66.32 peratus pada tahun 2009. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa indeks pembangunan manusia di Kota Makassar sejak 2005 sehingga 2009 mengalami peningkatan purata sebesar 0.77 peratus, iaitu dari 76.87 peratus menjadi 78.24 peratus (Kota Makassar Dalam Angka, 2011).

Pembangunan Kota Makassar sebagaimana halnya kota-kota besar di negara-negara sedang membangun tidak pernah lepas dari fenomena kemiskinan perkotaan. Kemiskinan di Kota Makassar disebabkan oleh pelbagai-bagai faktor, terutamanya disebabkan oleh urbanisasi (Kota Makassar Dalam Angka, 2011). Arus urbanisasi semakin tidak dapat dikendalikan, di mana masyarakat sentiasa melihat Kota Makassar sebagai satu kota yang memberikan harapan. Kualiti persekitaran perkotaan yang terus menurun menyebabkan keadaan yang dialami oleh warga miskin perkotaan semakin teruk. Model partisipasi dan pemerksaan yang dikuatkuasakan selama ini tidak mampu mencakupi semua masyarakat miskin perkotaan, sehingga polisi pemerksaan tidak meninggalkan kesan apa-apa. Berkurangnya jumlah masyarakat miskin sepertinya tidak lebih dari sekadar laporan angka-angka di atas kertas.

## Dapatan kajian dan perbincangan

Realiti hubungan sosial dalam komuniti nelayan dapat dianalisis melalui pendekatan ragam pengeluaran yang mereka ceburi. Melalui pendekatan ini pulalah, hubungan patron klien di mana mereka menjalankan peranannya masing-masing dapat lebih diterokai. Ragam pengeluaran terdiri atas dua komponen asas, iaitu pemboleh ubah kekuatan pengeluaran (*force of production*) dan hubungan sosial pengeluaran (*social relation of production*) (Hindess & Hirst, 1975). Meskipun dinamik sejarah yang telah diuraikan sebelumnya lebih menekankan pada hubungan kekuasaan, akan tetapi sesungguhnya, prinsip-prinsip kapitalisme dan pengumpulan modal juga menjadi pendorong utama artikulasi ragam pengeluaran tersebut. Pada akhirnya, penguatan kekuasaan dan kapitalisme adalah seperti selari dalam sebuah perikatan antara parton dan kliennya.

Sebelum membahas lebih jauh tentang dinamik hubungan patron-klien di pesisir Kota Makassar, maka perlu untuk diketahui bahawa hubungan patron-klien di kawasan pesisiran Kota Makassar lebih dikenali dengan istilah *punggawa-sawi*. Berdasarkan definisi konsep dari beberapa peneliti-peneliti sebelumnya (Pelras, 1981; Yusran, 2002), konsep *punggawa* selalu merujuk kepada peranan seorang patron atau pembekal modal. Sementara konsep *sawi* merujuk kepada klien atau buruh pekerja. Selama penelitian lapangan dilakukan, tidak didapati wujudnya perbezaan yang signifikan antara konsep *punggawa* sebagaimana dikemukakan oleh para sarjana terdahulu dengan apa yang menjadi dapatan dalam kajian ini, sama terutama peranannya dalam struktur sosial. Berbeza halnya dengan konsep *sawi*. Penelitian ini mendapati pergeseran makna *sawi*. Istilah *sawi* saat ini telah mengalami perubahan berbanding dengan yang didapati melalui penelitian-penelitian terdahulu. Status *sawi* kini dipandang sebagai sebuah status sosial yang sangat rendah, meskipun selama penyelidikan ini dilakukan, masih ramai ditemukan nelayan-nelayan buruh yang menjalankan pekerjaan sebagai buruh

namun sudah enggan dipanggil sebagai *sawi*<sup>1</sup>. Bagi menghindarkan persepsi yang berbeza-beza, maka istilah klien akan lebih sering digunakan dalam tulisan ini.

#### *Artikulasi ragam pengeluaran di Cambayya*

Menyitir pandangan Dyer (1990), bahawa eksplorasi secara tradisional atas sumber-sumber alam di lautan telah dilakukan melalui sistem hubungan patron klien. Eksplorasi tersebut dicirikan oleh penggunaan alat-alat tradisional, atau dengan menggunakan enjin yang masih sederhana dengan kapasiti yang kecil. Seperti halnya di Cambayya, pengurusan pengeluaran perikanan masih mengedepankan cara-cara tradisional, meskipun peralatan-peralatan moden juga telah banyak ditemukan. Sebahagian besar peralatan moden yang dimanfaatkan oleh nelayan kecil adalah dimiliki oleh *punggawa*.

Salah satu alat tangkap yang paling banyak ditemukan di Cambayya adalah jenis alat tangkap pukut tunda udang atau kerap disebut *mini trawl*. Pada prinsipnya, sistem penangkapan *mini trawl* memodifikasi sistem penangkapan pukut tunda yang telah diharamkan oleh pihak pemerintah. Pelarangan tersebut disebabkan oleh pukut yang ditunda merosakkan dasar laut, sehingga terumbu-terumbu karang juga tersapu oleh pukut yang ditarik. Akan tetapi, alat tangkap ini telah direka bentuk menjadi jentera yang “mesra alam” sehingga anggapan sebagai jentera haram boleh dielakkan. Dalam kaitannya dengan hubungan patronase, peranan *punggawa* akan sangat diperlukan bilamana sistem pengeluaran mulai mengharuskan digunakannya peralatan yang semi moden seperti ini.


Untuk menjalankan operasi penangkapan, seorang *punggawa* akan memainkan perannya sebagai patron dengan menyediakan pelbagai peralatan penangkapan. Peralatan utama yang harus disediakan oleh *punggawa* adalah kapal penangkapan yang dilengkapi dengan enjin penggerak dan peralatan pelayaran (*navigation*), alat tangkap (*mini trawl*), peti es (*cold box*) dan bekalan minyak. Sementara itu, aktiviti teknikal dalam pembekalan peralatan ini menjadi tanggung jawab seorang nelayan klien. Tugas klien adalah mengurus dan memastikan enjin dalam keadaan yang baik serta bekalan minyak yang cukup sehingga dapat berjalan secara lancar, sejak keberangkatan sehingga kembalinya kapal di pelelongan. Klien juga bertanggung jawab untuk memastikan semua peralatan pelayaran (*navigation*) dapat berfungsi dengan baik. Berkaitan dengan alat tangkap, klien berkewajiban memastikan alat tangkap dalam kondisi baik dan tidak rosak sehingga berfungsi dengan baik. Sesaat sebelum berangkat, peti sejuk (*cold box*) untuk mendinginkan ikan hasil tangkapan dinaikkan oleh nelayan ke atas kapal. Tentunya, semua bekalan peralatan ini memerlukan kos pengeluaran yang besar. Semua kos ke atas proses penangkapan ini ditanggung oleh ini patron.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelumnya, bahawa jenis penangkapan yang dijalankan di kawasan kajian adalah jenis penangkapan pantai. Penangkapan di pesisiran pantai dicirikan oleh melibatkan nelayan yang tidak ramai atau bahkan dilakukan berseorang. Sekiranya ia memerlukan buruh, mereka hanya melibatkan seorang atau dua orang buruh sahaja. Peranan buruh dalam penangkapan boleh menjadi pemboleh ubah penting. Dalam sistem patron klien di masyarakat nelayan, buruh umumnya adalah saudara mara nelayan (*extended family*) (Dyer, 1990). Keadaan ini juga didapati selama pemerhatian lapangan dilaksanakan di Cambayya.

Satu perkara yang cukup penting untuk diketengahkan adalah bagaimana membezakan terminologi ‘buruh’ dan ‘*sawi*’. Berdasarkan hasil pengamatan selama penelitian, orang-orang yang memainkan peran buruh ini tidak lagi mahu disebut sebagai *sawi* sekalipun mereka memainkan peran yang sama. Berdasarkan hasil temu bual dengan informan, istilah *sawi* lebih sering dipakai pada operasi penangkapan dengan alat tangkap yang berkapasiti besar. Hal ini disebabkan kerana operasi penangkapan dengan jentera pursein membabitkan organisasi awak yang rumit. Tugas utama *sawi* selama operasi penangkapan adalah membantu nelayan yang menjadi klien *punggawa* untuk melaksanakan pekerjaan-pekerjaan teknikal, seperti menghulur pukut ataupun pekerjaan yang diperintahkan oleh nelayan.

Berdasarkan hasil pemerhatian dan pengamatan di lapangan, buruh yang dilibatkan umumnya adalah anak atau keponakan daripada nelayan. Mereka umumnya berusia antara 11 tahun sehingga 17 tahun. Dalam hal penentuan buruh, seorang *punggawa* tidak lagi ikut menentukan dan sepenuhnya menjadi kewenangan nelayan klien. Pelibatan buruh dari kalangan keluarga pada umumnya dimaksudkan agar hasil tangkapan dan penjualannya tetap terkumpul dalam keluarga tersebut. Di

samping sebagai cara untuk meningkatkan pendapatan keluarga, pola ini juga mencerminkan sebuah proses “*transfer of knowledge*”. Setiap orang tua selalu mengajarkan anaknya untuk menjadi nelayan, dan proses pembelajaran tersebut dimulakan semenjak mereka masih sangat belia. Meskipun tidak memiliki peralatan tangkap yang cukup, akan tetapi ilmu tentang bagaimana menjadi seorang nelayan tetap harus diwariskan kepada anak-anaknya.



**Gambar 1.** Cara kerja jenis alat tangkap pukat tunda udang (mini trawl)

Pelibatan buruh bukan daripada kalangan keluarga cukup jarang ditemui. Mereka amat mempertimbangkan kedekatan secara emosional bagi menyokong aktiviti penangkapan kecil-kecilan. Sekiranya terdapat buruh yang tidak memiliki pertalian saudara atau keluarga, ia mesti seseorang yang sangat dipercayai. Stigma dan anggapan ini berkaitan dengan resistensi nelayan atas hubungan patronase yang merugikan nelayan. Pola hubungan patronase antara *punggawa* dengan nelayan tidak semestinya dicirikan oleh kesetiaan yang tinggi (Mulyadi, 2008). Pengkhianatan juga kerap berlaku. Di sinilah pentingnya peranan seorang buruh yang sangat dekat manakala seorang nelayan melakukan resistensi kecil-kecilan.

Penetrasi prinsip-prinsip kapitalisme untuk memaksimumkan pengeluaran tidak selalu diimbangi oleh kapasiti dan kemampuan faktor-faktor pengeluaran. Hal ini kemudian akan memicu terjadinya perlawanan. Pola perlawanan dalam masyarakat tani dan nelayan seperti ini sesungguhnya bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat nelayan. James C. Scott (2000) telah secara terperinci menjelaskan bagaimana artikulasi dan pola perlawanan masyarakat di Kelantan. Selain itu, Budi Siswanto (2008) juga telah memberikan gambaran tentang *ngresek* sebagai cara nelayan di Pekalongan bagi menunjukkan perlawanannya kepada patronnya. Bagi komuniti nelayan di Cambayya, perlawanan atas tindakan patron dilakukan oleh nelayan klien dalam beberapa bentuk artikulasi.

Berdasarkan hasil pemerhatian di lapangan, bentuk perlawanan yang kerap dilakukan adalah dengan menjual ikan hasil tangkapan ke pedagang-pedagang yang mendatangi para nelayan di tengah

laut. Sebelum ikan hasil tangkapan didaratkan di pelelongan, kerap kali para pedagang mendatangi nelayan penangkap sebelum mendarat di pelelongan dan membeli hasil tangkapan dengan harga yang lebih tinggi berbanding harga pasaran di pelelongan. Pihak patron umumnya tidak mengetahui berapa banyak hasil tangkapan selama masih di laut (sebelum mendarat di pelelongan). Dengan menggunakan teknologi telefon bimbit, para pedagang dan nelayan akan melakukan transaksi tanpa diketahui oleh pihak lain, iaitu dengan menjual ikan hasil tangkapan kepada pedagang yang menghampiri nelayan pada saat operasi penangkapan dijalankan. Di sinilah pentingnya merekrut seorang buruh yang sangat dekat secara emosional, oleh kerana terdapat beberapa transaksi-transaksi haram yang tidak boleh diketahui oleh orang lain, terutama patron.

Pola semacam ini sangat menguntungkan, sama ada bagi pedagang mahupun nelayan yang terlibat. Melalui pola seperti ini, seorang pedagang tidak perlu mengeluarkan kos pengeluaran sebagaimana yang dilakukan oleh *punggawa*, akan tetapi dapat membeli ikan yang terbilang masih sangat segar. Selain itu, pedagang tidak perlu membekalkan jentera penangkapan dan tidak perlu merekrut buruh, kerana proses transaksi dapat dibantu oleh buruh daripada nelayan klien. Pedagang juga dapat menghindari pengeluaran yang tinggi untuk membeli bahan bakar minyak, oleh kerana *trip* perjalanan terbilang cukup singkat. Sementara itu, keuntungan yang diperoleh nelayan klien adalah para pedagang biasanya akan membeli ikan hasil tangkapan dengan harga yang lebih tinggi dari yang ditetapkan oleh *patron*. Dengan demikian, nelayan akan mendapatkan tambahan penghasilan. Fenomena ini memang sangat menguntungkan pihak pedagang dan pihak nelayan klien, akan tetapi tentu saja sangat merugikan bagi pihak *punggawa*.

Apa yang telah dijelaskan sebelumnya mencerminkan pengaruh teknologi terhadap peningkatan produktiviti penangkapan meskipun hal tersebut berlangsung secara sederhana dan terbilang lambat. Di sebalik semua itu, kehadiran teknologi penangkapan juga telah memicu terbentuknya kelas-kelas baru, salah satunya adalah kelas pedagang. Kemasukan teknologi ke dalam masyarakat nelayan tradisional telah menjadi perkara yang tidak mungkin dihindari oleh masyarakat nelayan di Cambayya.

Selain dipengaruhi oleh kemampuan kekuatan pengeluaran, perbincangan mengenai ragam pengeluaran juga menumpukan perhatiannya pada aspek hubungan sosial dalam pengeluaran. Komponen-komponen asas yang menyusun hubungan sosial ini adalah struktur kelas, *progress* kekuatan pengeluaran dan keberkesanan pengeluaran (Althusser, 1970; Hindes dan Hirst, 1975; Satria, 2001:25). Salah satu gambaran nyata pola hubungan sosial pengeluaran adalah sistem pemasaran.

Secara umum, masyarakat pesisir di Kota Makassar telah terlibat dalam arus ekonomi yang berteraskan kapitalisme, sama ada pada peringkat dalam negara mahupun aktiviti perikanan yang telah menjangkau pasaran global (Sudarmono et.al, 2011). Melalui penelitiannya di Jawa Timur, Mulyadi (2007) mendapati kehadiran teknologi dalam sistem penangkapan tradisional telah membantu nelayan untuk menjangkau pasaran-pasaran yang terbilang jauh, terutama di sekitar pulau-pulau kecil di Jawa Timur. Namun, berdasarkan penyelidikan dan pengamatan lapangan di Cambayya, pemasaran hasil tangkapan adalah selalunya berada di bawah kawalan seorang *punggawa*. *Punggawa* selalunya memerintahkan kliennya untuk mendaratkan hasil tangkapan di tempat pelelongan yang ditunjuk oleh *punggawa* berdasarkan maklumat harga pasaran komoditi. Tentunya, hal ini berimplikasi secara signifikan ke atas nilai pengeluaran yang akan didapatkan.

Peranan seorang *punggawa* dalam masyarakat nelayan tidak hanya dirasakan sangat penting pada saat operasi penangkapan dilaksanakan. Pengaruh seorang *punggawa* juga akan tampak secara jelas ketika seorang nelayan klien tidak sedang menjalankan aktiviti penangkapan. Pelbagai kajian yang melihat hubungan patron klien dalam kerangka fikir ragam pengeluaran, pada umumnya didapati wujudnya pengaruh hubungan sosial menjadi sangat dominan ketika proses pengeluaran sedang tidak dilaksanakan. Pada keadaan yang semacam ini, pihak *punggawa* memiliki tanggung jawab moral untuk menyediakan pinjaman kewangan kepada klien-kliennya. Malahan, dalam beberapa kes di Cambayya, pinjaman yang disediakan oleh pihak *punggawa* untuk kliennya kerap kali tidak lagi dianggap sebagai sebuah hutang, akan tetapi lebih tampak sebagai pemberian tanpa mengharapkan pengembalian sebagaimana kewajipan seseorang yang membayar hutang. Apabila hal ini terjadi, nelayan klien seolah-olah memiliki beban hutang budi yang harus dibayar. Biasanya, kebaikan *punggawa* akan dibalas dengan membantu sang patron dalam beberapa perkara teknikal. Berdasarkan



pengamatan di lapangan, seorang nelayan biasanya akan membersihkan kapal dan memperbaiki bahagian-bahagian daripada alat tangkap yang rosak akibat tersangkut di karang-karang. Nelayan klien juga bertanggung jawab untuk memastikan semua bagian enjin penggerak berfungsi dengan baik. Kerja-kerja teknikal seperti ini tidak lagi dikerjakan oleh seorang *punggawa*.

Artikulasi yang dilakukan oleh *punggawa* dan nelayan klien menunjukkan kewujudan pertukaran ulang alik di antara kedua pihak. Hubungan semacam ini adalah satu bentuk pertukaran perkhidmatan antara patron dan klien. Oleh kerana tidak adanya parameter untuk melihat taraf keseimbangan pertukaran, maka alasan 'balas budi' adalah salah satu pembenaran yang paling sering diungkapkan oleh nelayan klien.

Meskipun demikian, hubungan pertukaran jasa antara patron dan klien semacam ini tidak selamanya dipandang sebagai hubungan yang saling menguntungkan. Tidak semua *punggawa* menganggap bahawa wang yang mereka pinjamkan kepada klien adalah pemberian belaka. Sebahagian *punggawa* juga tetap menganggap bahawa hutang tetaplah hutang dan mesti dibayar. Tidak sedikit di antara *punggawa* yang mengenakan riba atas hutang kliennya. Malahan, bagi sebahagian pakar sosial, hubungan hutang piutang semacam ini sangat merugikan pihak klien dan lebih seringnya dianggap sebagai pola yang mengekalkan kemiskinan bagi kalangan nelayan kecil.

Aspek permodalan adalah satu perkara yang paling pelik bagi masyarakat nelayan. Bagi sebahagian nelayan kecil, terlibat dalam ikatan hutang piutang adalah satu bentuk dan pola adaptasi yang dapat berlangsung secara turun temurun bagi menolong anggota isi rumah lainnya. Selama hutang belum dilunasi, maka selama itu pulalah nelayan klien dan anggota isi rumahnya harus bekerja kepada *punggawa*-nya. Selain itu, jarang di antara mereka yang memiliki aset yang *bankable*. Kondisi ini menutup peluang bagi nelayan tradisional untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada pihak lembaga kewangan formal. Sementara itu, koperasi nelayan yang diharapkan dapat membantu nelayan kecil telah dikuasai oleh *punggawa*, sehingga berhutang pada *punggawa* dan berhutang di koperasi nelayan nampak tidak ada perbezaan.

## Kesimpulan

Kewujudan hubungan patron klien dalam masyarakat nelayan di Kota Makassar saat ini adalah sebuah proses yang amat panjang dan telah bertahan sejak puluhan bahkan ratusan tahun yang lalu. Seiring dengan perkembangannya, patron klien telah menjadi bahagian penting daripada sebuah transformasi sosial ekonomi masyarakat nelayan. Jika konsep-konsep patron klien ditandai dengan wujudnya kesetiaan seorang klien terhadap patronnya, maka lain halnya dengan apa yang didapatkan selama penelitian ini. Hubungan patron-klien yang hadir dalam aktiviti pengeluaran perikanan di Kota Makassar tidak hanya dilingkupi oleh kesetiaan klien terhadap patronnya, akan tetapi hubungan ini juga melahirkan perlawanan klien terhadap patronnya. Tidak dapat dipungkiri bahawa perlawanan ini sebahagian dipengaruhi oleh desakan bagi mengintensifkan pengeluaran dengan segenap keterbatasan kekuatan pengeluaran yang digunakan.

Kesimpulan yang dapat ditarik berdasarkan kes telah diuraikan sebelumnya adalah bahawa hubungan patronase saat ini telah menjadi bahagian yang tumbuh dan berkembang dari dalam masyarakat nelayan. Hubungan patronase berimplikasi terhadap pertukaran antara dua pihak yang terikat dalam satu kontrak yang tidak tertulis. Dalam perkembangannya, hubungan ini seolah-olah tidak lagi melibatkan seorang individu dengan individu lainnya dalam dua strata sosial yang berbeza, akan tetapi juga telah melibatkan orang-orang terdekat individu tersebut. Oleh kerana hubungan yang terbentuk cenderung berlangsung cukup lama, maka dinamik pertukaran yang terbentuk tidak lagi menyangkut dimensi ekonomi, akan tetapi telah menjadi sebuah perikatan secara sosial, baik ini menguntungkan pihak patron dan pihak klien, mahupun yang hanya menguntungkan pihak patron.

Transformasi penting yang melingkupi masyarakat nelayan berkaitan dengan eksistensi hubungan patron klien saat ini adalah bahawa artikulasi hubungan patron klien telah memetakan masyarakat nelayan ke dalam status-status sosial yang semakin jelas sekatnya. Pada awal kemunculannya, hubungan ini didominasi oleh kekentalan sifat tradisional masyarakat nelayan. Namun, dengan kehadiran teknologi dalam masyarakat nelayan, masyarakat tidak hanya terbentuk dalam gugusan strata sosial yang semakin jelas, akan tetapi juga telah membentuk kelas sosial yang baru.

## Rujukan

- Althusser L, Balibar E (1970) *Reading capital*. New Left Book, London.
- Arief S, Sasono A (1981) *Indonesia: Ketergantungan dan keterbelakangan*. Lembaga Studi Pembangunan, Jakarta.
- Biro Pusat Statistik Kota Makassar (2011) *Kota Makassar dalam angka tahun 2009*. BPS, Makassar.
- Dyer CL (1990) *Sharing the fishing: Resource utilization and kinship cooperation in three Mexican Artisanal Community* (PhD dissertation). Arizona State University.
- Eisenstadt SN, Roniger L (1984) The study of patron-client relation and recent development in sociological theory. In: Eisenstadt SN, Roniger L (1981) *Political clientelism, patronage and development*. Sage Publication, London.
- Hindess B, Hirst P (1975) *Pre-capitalist mode of production*. Routledge & Keegan Paul, London.
- Homans GC (1961) *Social behaviour: Its elementary form*. St. Martin's Press Ltd, New York.
- Junaenah Sulehan, Ong Puay Liu, Yahaya Ibrahim, Noorahamah Hj. Abubakar, Abd. Hair Awang, Mohd. Yusof Hj. Abdullah (2008) Penyertaan dan pemeraksanaan komuniti desa dan pembangunan di Malaysia-Indonesia. *Jurnal Kajian Politik dan Pembangunan* 4 (2), 281-300.
- Kausar (2009) *Sistem birokrasi pemerintahan di daerah dalam bayang-bayang budaya patron-klien*. PT Alumni, Bandung.
- Mattulada A (1995) Traditional management among Bugis-Makassar entrepreneurs in South Sulawesi. *Lontara-Journal of Hasanuddin University* 1 (2), 23-28.
- Mulyadi (2007) *Ekonomi kelautan*. PT Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Pelras C (1981) *Hubungan patron-klien pada Masyarakat Bugis Makassar*. Monograf. Ujung Pandang.
- Ritzer G (2004) *Encyclopedia of social theory*. Sage Publication, London.
- Satria A (2001) *Dinamik modenisasi perikanan: Bentuk masyarakat dan mobilitas nelayan*. Humaniora Utama Press, Bandung.
- Scott JC (2000) *Senjatanya orang-orang yang kalah: Bentuk perlawanan sehari-hari kaum tani*. Yayasan Obor Indonesia, Jakarta.
- Siswanto B (2008) *Kemiskinan dan perlawanan kaum nelayan*. Laksbang Mediatama, Malang.
- Sutherland H (2009) Teripang dan perahu wangkang perdagangan Makassar dengan China pada abad ke-18 (kl. 1720-an – 1840-an). In: Roger Tol et al (eds) *Kuasa dan usaha di Masyarakat Sulawesi Selatan*. KITLV, Jakarta.
- Suwarsono, So AY (2000) *Perubahan sosial dan pembangunan*. LP3ES, Jakarta.
- Tain A (2010) *Analisis kemiskinan dan adaptasi rumah tangga nelayan motor tempel di wilayah tangkap lebih Jawa Timur* (PhD dissertation). Universitas Padjadjaran, Bandung.
- Tang M (1996) Aneka ragam pengaturan sekuritas sosial di bekas Kerajaan Berru, Sulawesi Selatan Indonesia. Grafisch Service Centrum Van Gils B.V., Wageningen.
- Yusran M (2002) *Ponggawa-Sawi relationship in co-management: An interdisciplinaty analysis of coastal resource management in South Sulawesi, Indonesia* (PhD dissertation). Faculty of Graduate Studies, Dalhousie University, Canada.

- 
- <sup>i</sup> Dalam beberapa catatan akademik mengenai patron klien di Sulawesi Selatan, posisi buruh memang lebih dikenal pasti dengan istilah *sawi*. Namun, dinamik yang berkembang saat ini menunjukkan perubahan, sehingga ia boleh berbeza dengan anggapan dalam kajian-kajian terdahulu. Seringkali didapatkan orang-orang yang menjalankan fungsi sebagai *sawi*, namun mereka enggan disebut sebagai *sawi*. Hal ini berkaitan erat dengan pandangan dan konotasi yang tidak terhormat dan terkesan merendahkan terhadap figur seorang *sawi*. Oleh kerana pergeseran makna yang cukup signifikan ini dikawatirkan akan memunculkan bias atas makna yang sesungguhnya sebagaimana yang terdapat di lapangan, maka istilah *sawi* lebih dihadkan penggunaannya.